



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

SEKOLAH SENI MALAYSIA

Dokumen Penjajaran Kurikulum

SENI TEATER

TINGKATAN 1

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.0 Bidang Lakonan	1.1.1 Membina watak berdasarkan kemahiran asas lakon: (i) Fizikal (ii) Vokal (iii) Mental dan Emosi (iv) Unsur Teater (a) Pelakon (b) Ruang (c) Mesej (d) Skrip (e) Penonton (f) Gabungan pelbagai seni		1.1.4 Mengamalkan nilai-nilai murni dalam aktiviti Lakonan: (i) Etika pelakon sebelum, semasa dan selepas persembahan.

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>1.1.2 Mengimprovisasikan watak dan perwatakan dalam lakonan secara berkumpulan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Menggunakan rangka cerita(ii) Menggunakan bunyi dan muzik(iii) Menggunakan objek(iv) Mengaplikasikan unsur lakonan:<ul style="list-style-type: none">(a) Ruang(b) Watak(c) Situasi(d) Gerak(e) Vokal		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>1.1.3 Mengaplikasikan <i>blocking</i> dalam Lakonan yang melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Ruang(ii) Susun atur atau pola lantai(iii) Letak tubuh		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.0 Bidang Penulisan Skrip	2.1.1 Menulis cerita pendek yang mempunyai; (i) Idea cerita (ii) Pembinaan cerita (a) Awal (b) Tengah (c) Akhir (iii) Teknik menulis (a) Plot (b) Bentuk naratif (c) Gaya bahasa		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.0 Bidang Sinografi	3.1.1 Menghasilkan portfolio sinografi berdasarkan skrip yang memfokuskan (i) Kostum (ii) Tatarias		
4.0 Bidang Apresiasi Teater		4.1.1 Membuat ulasan persembahan teater yang ditonton dengan cara; (i) Menulis ulasan berdasarkan : (a) Jalan cerita (b) Watak dan perwatakan (c) Mesej dan pengajaran	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		4.1.2 Menghuraikan bentuk teater tradisional Malaysia bangsawan dari aspek: (i) Ciri-ciri bangsawan	

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917